

03

Keberkesanan Maklum Balas Bagi Pembetulan Secara Bertulis (WCF) Untuk Mempertingkatkan Karangan Murid

Sekolah Rendah South View



Hanita Abdul Aziz

hanita_abd_aziz@schools.gov.sg



Nafisah Nurraudhah Sa'Dollah

nafisah_nurraudhah_sado@schools.gov.sg

Abstrak

Kajian ini memberi fokus pada kemahiran menulis. Murid didapati kurang berupaya mengembangkan isi karangan dan sering mengulangi kesalahan bahasa yang sama. Maklum balas yang diberikan guru kadangkala tidak difahami murid. Maklum balas yang berkesan penting untuk membantu murid memahami tindakan yang harus mereka ambil bagi memastikan penghasilan karangan yang bermutu. Maklum Balas Pembetulan Secara Bertulis (WCF) digunakan untuk membantu murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan karangan mereka. Dua strategi memberikan maklum balas iaitu *Indirect and Coded* dan *PQP* (*Praise-Question-Polish*) digunakan dalam kajian ini. Dapatkan awal menunjukkan bahawa strategi tersebut berkesan dan guru dapat melihat peningkatan dalam penulisan murid.

Kata Kunci: kemahiran menulis, maklum balas yang berkesan, WCF, mempertingkatkan karangan

PENGENALAN

Maklum balas merupakan salah satu daripada penilaian formatif yang boleh dijalankan di dalam bilik darjah. Menurut Frey dan Fisher (2011), maklum balas ialah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid. Sekiranya murid dapat bertindak selaras dengan maklum balas guru, sudah pasti pembelajaran telah berlaku. Oleh yang demikian, guru harus dapat memberikan maklum balas yang jelas dan berkesan, dan murid pula harus tahu sebab maklum balas itu diberikan dan memahami tindakan susulan yang harus diambil bagi meningkatkan mutu tugasannya.

Dalam penulisan karangan, maklum balas penting untuk memastikan bahawa murid dapat mengenal pasti kesalahan yang dilakukan dari segi bahasa dan kekurangan yang terdapat pada isi. Guru pastinya tidak mahu murid mengulangi kesalahan bahasa yang sama atau tidak dapat mengembangkan isi dengan baik bagi setiap karangan yang ditulis. Jika dilakukan dengan baik, maklum balas dapat membantu murid menangani keperluan pembelajaran mereka.

Maklum Balas Pembetulan Secara Bertulis (*Written Corrective Feedback - WCF*) sering digunakan oleh guru dalam memberikan maklum balas bagi karangan murid. Dalam kajian ini, WCF merujuk kepada pembetulan kesilapan yang dilakukan secara langsung, pujian, komen dan nasihat serta cadangan kepada murid agar mereka dapat membuat pembetulan dengan sewajarnya.

Strategi WCF yang dipilih ialah *Indirect and Coded* (diambil daripada nota kursus Profesor Lee) bagi kesalahan bahasa dan PQP (*Praise-Question-Polish*) bagi pengembangan isi. Guru dan murid diperkenalkan kepada strategi-strategi tersebut terlebih dahulu sebelum digunakan untuk menilai karangan murid. Dalam strategi *Indirect and Coded*, guru menggariskan kesalahan murid dan menulis kod kesalahan yang dibuat. PQP sebenarnya ialah strategi yang digunakan untuk membantu murid membuat penilaian rakan sebaya. Bagi kajian ini, strategi ini digunakan oleh para guru untuk memberikan maklum balas kepada murid. Tujuannya agar murid terbiasa dengan strategi ini dan dapat menggunakan untuk penilaian rakan sebaya.

Strategi tersebut juga dipilih kerana memenuhi kriteria maklum balas yang baik. Antara kriteria yang disentuh oleh Stenger (2014) ialah maklum balas yang diberikan harus khusus, iaitu menerangkan kepada murid dengan

jelas kekuatan dan kelemahan hasil tugasannya. Selain itu, maklum balas itu juga harus menuju ke arah mencapai matlamat pembelajaran. Murid harus jelas akan kandungan dan tujuan maklum balas yang diberikan. Maklum balas harus menjadi salah satu proses pembelajaran bagi murid.

PERNYATAAN MASALAH

Guru-guru telah berkongsi keprihatinan mereka terhadap pencapaian murid dalam penulisan karangan. Menurut mereka, murid tidak dapat menguasai kemahiran ini biarpun sudah mempelajari pelbagai teknik penulisan. Salah satu sebab ialah murid tidak dapat mengaplikasikan teknik yang telah dipelajari dengan berkesan. Ada antara mereka yang tidak pasti sama ada penulisan mereka menepati matlamat yang ditetapkan guru.

Oleh yang demikian, maklum balas terhadap penulisan murid adalah penting. Cara guru memberikan maklum balas juga penting. Maklum balas yang diberikan harus memenuhi matlamat yang ingin dicapai dalam sesuatu pembelajaran itu. Maklum balas yang diberikan juga harus lebih fokus. Berdasarkan penelitian pengkaji, cara guru memberikan maklum balas kepada penulisan karangan murid berbeza-beza. Ada guru yang akan membentulkan setiap kesalahan murid dan meminta mereka membuat pembetulan. Ada pula yang memberikan maklum balas pada akhir karangan tentang kekuatan dan kelemahan murid. Namun, adakah cara memberikan maklum balas itu berkesan? Adakah murid dapat memahami maklum balas yang diberikan dan memberikan respons yang sewajarnya? Yang penting sekali, adakah murid membaca maklum balas tersebut sebelum membuat pembetulan?

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan strategi WCF dalam membantu murid memahami kekuatan dan kelemahan mereka dalam karangan yang dihasilkan; dan
2. meningkatkan kemampuan murid untuk memperbaik kesalahan bahasa yang terdapat dalam karangan mereka dan mengembangkan isi berdasarkan maklum balas khusus yang diberikan.

KAJIAN LEPAS

Guru perlu mempelajari cara yang berkesan untuk memberikan maklum balas kepada murid. Maklum balas yang baik memberikan murid informasi tentang tahap pembelajaran mereka dan perkara yang perlu dilakukan selepas itu (Brookhart, 2008). Maklum balas yang baik mengandungi informasi yang boleh digunakan oleh murid iaitu mereka boleh memahaminya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Menurut Profesor Icy Lee dari *The Chinese University of Hong Kong*, kesalahan bahasa yang ingin dijadikan fokus bergantung kepada guru dan kemampuan murid. Kesalahan yang dipilih juga harus berdasarkan keperluan murid. Strategi *Indirect and Coded* menurut beliau, membantu murid untuk membetulkan kesalahan yang sudah dikenal pasti guru. Walau bagaimanapun, menurutnya, kod yang digunakan haruslah mesra murid agar mudah untuk mereka memahami kesalahan yang perlu diperbetul.

Bagi strategi PQP, menurut seorang tenaga pengajar, Puan Low Khai Yin, strategi ini bukan sahaja boleh diaplikasikan kepada murid seperti mengarah mereka untuk memberikan maklum balas yang berkesan dan membina, tetapi juga amat berguna kepada para guru untuk melakarkan dan merancang maklum balas mereka khas untuk setiap murid. Beliau percaya bahawa dengan memberikan maklum balas yang relevan, murid dapat mengambil tindakan bagi melaksanakan usaha peningkatan. Semua usaha yang dibuat dan masa yang diluangkan pastinya bermanfaat.

Beberapa kajian telah dijalankan untuk melihat keberkesanannya bagi strategi PQP. Satu kajian yang dijalankan oleh Ummi Umara dan Viki Pratiwi ke atas murid Tahun 10 di SMA Swasta YPIS Maju Binjai. Kajian tersebut menunjukkan keberkesanannya strategi PQP dalam penulisan karangan deskriptif murid yang terlibat. Hasnawati Latif (2014) pula telah menjalankan kajian ini terhadap murid Tahun 8 di SMP Negeri 33 Makassar. Beliau mendapat bahawa ada peningkatan dalam penulisan karangan murid setelah menjalankan kajian sebanyak dua kitaran. Peningkatan tersebut adalah dari segi organisasi dan bahasa dalam karangan mereka.

Sebuah lagi kajian telah dijalankan oleh Herni Lestari, Rumiri R Aruan & Hadriana (2012). Kajian mereka menunjukkan keberkesanannya strategi PQP dalam penulisan karangan deskriptif murid. Kajian telah dijalankan dengan

murid Tahun 2 di SMA Santa Maria Pekanbaru. Seramai 33 orang murid terlibat dalam kajian yang dilakukan sebanyak dua pusingan. Daripada analisis data yang diperoleh, mereka mendapati bahawa strategi PQP ini telah membantu murid untuk menjadi lebih kritis dalam penulisan mereka dan juga penulisan rakan sedarjah mereka. Strategi ini juga telah meningkatkan mutu penulisan berbentuk ekspositori.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 dan Darjah 6 yang memiliki tahap kebolehan yang pelbagai. Murid Darjah 5 seramai 39 orang manakala murid Darjah 6 seramai 29 orang. Kumpulan ini dipilih kerana mereka telah mempelajari pelbagai teknik menulis karangan.

Instrumen Kajian

Karangan murid Darjah 5 dan Darjah 6 digunakan bagi mendapatkan data kualitatif tentang keberkesanan strategi-strategi yang dipilih bagi WCF. Guru telah diperkenalkan kepada WCF dalam satu kursus yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Bagi kajian ini, dua teknik khusus telah dipilih untuk digunakan semasa menilai karangan murid. Teknik tersebut ialah *Indirect and Coded* serta PQP.

Karangan yang ditulis oleh murid adalah berdasarkan gambar bersiri 6 atau karangan bertajuk yang disediakan oleh guru. Guru menilai karangan setiap murid dengan menggunakan borang maklum balas yang disediakan oleh pengkaji. Setelah mendapat maklum balas daripada guru, murid menulis draf kedua dengan mengambil kira maklum balas yang diberikan. Draf kedua yang dihasilkan dinilai sekali lagi oleh guru untuk memastikan bahawa murid telah menerapkan maklum balas guru.

Prosedur Kajian

Prakajian

Setiap guru mempunyai cara mereka untuk memberikan maklum balas. Beberapa orang guru telah ditemui ramah untuk mendapatkan informasi tentang cara mereka memberikan maklum balas kepada murid. Berikut merupakan beberapa cara yang dikongsi oleh guru-guru:

Jadual 1: Maklum Balas Guru

S/N	Cara guru memberikan maklum balas
1	Menggunakan strategi burger yang bermula dengan pujian, perkara yang perlu diperbaik dan akhirnya, rangsangan untuk murid terus menulis.
2	Menulis maklum balas pada bahagian akhir karangan.
3	Menggunakan soalan-soalan untuk membantu murid untuk mengembangkan isi.
4	Memberikan contoh atau saranan untuk membantu murid.
5	Memperbetulkan kesilapan bahasa murid.

Setelah guru menyemak tugas murid, mereka akan menulis draf kedua karangan berdasarkan maklum balas guru. Ada guru meminta murid yang mendapat markah yang rendah untuk memperbetul keseluruhan karangan dan yang lain hanya membuat pembetulan bagi kesalahan yang dikenal pasti. (Sila lihat Rajah 1 hingga Rajah 3 bagi contoh-contoh maklum balas yang diberikan guru.)

Daripada perkongsian mereka, jelaslah bahawa guru-guru akur akan kepentingan maklum balas untuk membantu murid memperbetul kesalahan bahasa dan juga mengembangkan isi. Walau bagaimanapun, kepelbagaiannya dan kerencaman cara memberi maklum balas kadangkala menyukarkan murid kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan guru-guru yang mengajar dan mempunyai kehendak yang pelbagai. Justeru, dengan menggunakan strategi maklum balas yang sama bagi setiap guru dan peringkat, hal ini akan, memudahkan murid untuk melihat keselarasan dan keseragaman antara guru dalam memberikan maklum balas bagi aktiviti penulisan seterusnya.

Rajah 1: Contoh Maklum Balas Guru (*CWCF - Indirect, Uncoded)

Keluarga Zalim memutuskan untuk melawat rumah
tumpangan anak yatim berdekatan semasa cuti sekolah.
<u>kedua-dua</u> <u>berkerja keras untuk keluarganya</u>
Berdua-dua ibu dan bapa Zalim berkerja dan memperoleh wang
<u>berkerja saman</u> <u>untuk mendapat upah dari jiran</u>
lebih Zalim pula sering berkerja untuk jiran-jirannya dan
jiran-jirannya.
di bayar. Zalim sudah menabung wang yang cukup dan

Rajah 1 menunjukkan bahawa guru menggariskan setiap kesalahan murid tanpa memberikan maklum balas tentang jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid. Cara ini berkesan bagi murid yang berkebolehan tinggi manakala kurang sesuai untuk murid yang berkebolehan rendah.

Rajah 2: Contoh Maklum Balas Guru (CWCF - Direct)

Zarina tidak ~~terhadap~~ ^{sepunca} Zarina tidak ~~terhadap~~ ^{sepunca} keras kepala, dia merendah diri kata-kata & Siti. Siti pun senyum kepada Zarina & membaca senyuman Siti kerana dia berasa malu. Zarina tidak senyum kembali.
"Terima kasih, Siti. Awak memang ~~a~~ ^{seorang} baik hati"
kawan & yang bagus! Kata Zarina kepada ~~Siti~~ Siti dengan senyuman yang lebar. Siti pun ~~ti~~ berkata, mengapa, ^{Perenggan baharu} cuma mahu
"Oh, tidak apa-apa, saya ~~suri~~ suria memastikan

Rajah 2 menunjukkan bahawa guru menggariskan dan membetulkan setiap kesalahan yang dilakukan oleh murid. Perkara ini dirasakan tidak membantu murid untuk memahami kesalahan yang dibuat kerana kesalahan tersebut telah dibetulkan guru tanpa penerangan tentang jenis kesalahan.

*CWCF - Comprehensive Written Corrective Feedback iaitu pembetulan yang dibuat bagi kesemua kesalahan bahasa yang dibuat oleh murid.

Rajah 3: Contoh Maklum Balas Guru

Pemandu bas menceritakan perkara yang berlaku kepada pihak polis. Mereka akan menjalankan tugas mereka. Saya ~~tlunad~~ terdengar permauan netral. Dia terperut akan kata-kata gunanya bahawa setiap orang harus bertanggungjawab di jalan raya.

Salan cerita baik. Ada ayat-ayat baik yang ~~guna~~ gunakan. Sijabur!

Jangan lupa pengajaran dalam cerita, ya.

Rajah 3 menunjukkan guru cuba menerapkan WCF yang berkesan iaitu dengan memuji penulisan murid dan memberikan contoh penulisan penutup. Murid menyalin sahaja pembetulan yang telah guru lakukan.

Cara kajian dijalankan:

Langkah 1:

Guru diberikan penerangan tentang strategi-strategi yang diperkenalkan iaitu *Indirect and Coded* serta PQP. Borang bagi strategi-strategi diberikan awal kepada guru agar mereka dapat membiasakan diri menggunakan borang tersebut.

Langkah 2:

Murid diperkenalkan kepada kedua-dua strategi tersebut. Penerangan diberikan agar murid faham cara untuk membaca, memahami dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Langkah 3:

Pembelajaran karangan dijalankan seperti biasa. Selepas itu, murid diminta menulis sebuah karangan berdasarkan perkara yang telah dipelajari. Karangan yang dihasilkan murid disemak guru. Guru mengisi borang maklum balas dengan memberi tumpuan pada satu atau dua kesalahan bahasa. Pujian diberikan bagi bahagian yang menepati matlamat. Soalan-soalan ditanyakan bagi bahagian-bahagian yang kurang jelas. Saranan pula merupakan cadangan guru agar karangan itu dapat dipertingkatkan.

Langkah 4:

Karangan murid berserta borang maklum balas dipulangkan. Murid membaca maklum balas tersebut dan menulis draf kedua. Bagi murid yang lemah, guru akan menerangkan maklum balas tersebut sebelum mereka menulis draf kedua.

Langkah 5:

Guru meneliti karangan murid bagi memastikan bahawa maklum balas guru telah diambil kira semasa menulis draf kedua.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan keberkesanannya kajian ini dibentangkan secara kualitatif iaitu berdasarkan maklum balas guru dan tindakan murid ke atas maklum balas yang diberikan. Pengkaji dapat melihat bahawa para guru telah berusaha dengan gigih dalam memberikan maklum balas yang membina dalam borang penilaian guru. Maklum balas ini dapat membantu murid memahami kesalahan yang dilakukan dan memperbaik kesalahan tersebut. Tambahan, strategi yang dipilih iaitu *Indirect* dan *Coded* serta PQP (sila lihat Rajah 4 dan Rajah 5) telah membantu murid membuat pembetulan bagi kesalahan bahasa dan memahami kekuatan dan kelemahan mereka dalam menulis isi karangan. Jelas dapat dilihat adanya peningkatan dalam mutu penulisan murid dalam draf kedua mereka jika dibandingkan dengan draf pertama. Mereka telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap maklum balas khusus yang diberikan guru ketika mereka membuat pembetulan.

Namun demikian, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat sebilangan murid masih mengulangi kesalahan mereka ketika membuat pembetulan bagi draf kedua penulisan mereka. Perkara ini berkemungkinan terjadi disebabkan murid ini tidak memberi perhatian terhadap maklum balas yang diberikan guru mereka ataupun mereka kurang faham akan apa yang dikehendaki guru mereka dalam maklum balas tersebut. Tidak kurang juga murid yang tidak mengambil berat terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru mereka dan tidak berjaya memperbaik karangan mereka seperti yang disarankan.

Justeru, pengkaji akur bahawa guru harus menekankan pentingnya maklum balas yang diberikan pada borang penilaian tersebut kepada murid. Penerangan yang jelas harus diberikan agar murid mengetahui objektif borang penilaian ini digunakan. Bagi murid praaras kebolehan, perbincangan tentang pembetulan dapat dilakukan secara individu agar mereka lebih terbimbing dan terarah.

Rajah 4: Bahagian 1 Borang Maklum Balas

	SEKOLAH RENDAH SOUTH VIEW KARANGAN P5/6 PENILAIAN GURU			
Nama murid:		Kelas:		Tarikh:
No	Kesalahan	Kod	Jumlah kesilapan	Jumlah kesilapan yang diperbetul

Rajah 5: Bahagian 2 Borang Maklum Balas

P <hr/> <hr/>	<p>P = Puji</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Saya suka bahagian... ✓ Saya suka cara kamu menerangkan... ✓ Saya suka susunan jalan cerita kamu kerana... ✓ Saya rasakan perenggan penutup ... ✓ Kamu telah berjaya menggunakan... 
T <hr/> <hr/>	<p>T = Tanya</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Saya keliru dengan... ✓ Saya kurang faham tentang... ✓ Mengapa kamu tidak menyertakan... ✓ Mengapa kamu menyertakan... 
S <hr/> <hr/>	<p>S = Saran</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kamu boleh menyertakan... ✓ Adakah perenggan-perenggan kamu telah disusun dengan baik? ✓ Mungkin kamu boleh menambah bahagian...

Keberkesanan Strategi Tidak Secara Langsung dan Berkod

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan murid dapat memahami kod-kod yang digunakan oleh guru semasa mereka menyemak jawapan mereka. Murid dapat membuat pembetulan seperti yang dikehendaki.

Rajah 6: Contoh Maklum Balas Guru (Indirect, Coded)

"Ariff bermula berdiri dan minta makan kepada nenek itu. Ariff dan Zaidi bermula orang-orang
 menjadi seorang yang sibuk menjalang nenek itu untuk berlepas barang-barang nenek itu di
 dalam troli nenek itu. Ada seorang petempuan yang bekerja di situ juga menjalang nenek itu.
 Ibu meminta
 orang-orang
 Ibu meletak
 mula
 Nenek itu mengatakan Zaidi dan Ariff kerana nenek itu berjalin seorang yang baik.
 berjalin kec
 Selepas 2 minit, Ibu Zaidi dan Ariff tempat air Milo.
 dua
 ibu
 "Eh? Kenapa Zaidi dan Ariff di tempat air Milo ini? Zaidi dan Ariff tidak
 pergi ke tempat kegembiraan minum-minuman kamu?" tanya Ibu kepada Zaidi dan Ariff.
 Eh?
 Thunya
 Zaid berkata kepada Ibu apa yang sudah berjadi kepada Ariff dan nenek tu
 memerlukan
 terjadi
 ibunya
 itu. Sebelum Ibu boleh marah, Ariff, Ariff berkata kepada Ibu dengan cepat dia

Dalam Rajah 6, murid tahu kesalahan yang telah dilakukan dan dapat melakukan pembetulan.

Rajah 7: Contoh Maklum Balas Guru (Indirect, Coded)

pelaki disebabinya agar K kelinatan mencuriqkan Im jahat apabila nampak anit ditangan kelin- nenek itu. Nenek itu kalang kabut untuk	dan pelaki disebabinya agar Im kelinatan mencuriqkan apabila ternampak anit di tangan nenek
---	--

Rajah 8: Contoh Borang Maklum Balas Bahagian 1

No	Kesalahan	Kod	Jumlah kesilapan	Jumlah kesilapan yang diperbetul
1	Imbuhan	Im	2	1

Rajah 7 dan Rajah 8 pula menunjukkan bahawa guru hanya fokus pada satu kesalahan bahasa agar murid tidak terbeban terutama murid praaras kebolehan. Namun, kesalahan lain masih diperbetul oleh guru. Selain itu, contoh ini juga menunjukkan bahawa murid masih tidak dapat memberikan imbuhan yang betul. Perkara ini sering berlaku tetapi yang penting murid tahu kesalahan yang dilakukan dan berusaha untuk membetulkannya. Jika diteliti contoh ini, pengkaji mendapati murid ini tidak memahami fungsi kod yang diberikan 'Im' dan menyangka bahawa kod tersebut ialah pembetulan yang dibuat oleh guru. Hal ini berlaku kepada murid praaras kebolehan.

Rajah 9: Contoh Maklum Balas Guru (*Indirect, Coded*)

<p>Nailia dan Aiyah tanpa tervaik-vaik,</p> <p>Nailia dan Aiyah tervik mepari untuk</p> <p>menolong.</p>		<p>neneh jatun nang agak kuat. Nailia</p> <p>man Aiyah tanpa tervaik-vaik,</p> <p>im meraka tervik tarik untuk menolong</p> <p>-nya.</p>
--	--	--

Dalam draf kedua, apabila murid tidak dapat membetulkan kesalahan, guru membetulkan untuknya seperti yang dilihat dalam Rajah 9.

Keberkesanan Strategi PQP

Bagi bahagian ini, pengkaji amat teruja kerana murid telah menunjukkan usaha mereka untuk memperbaik kelemahan yang dikenal pasti oleh guru (lihat Rajah 10). Mereka mengambil tindakan bagi Bahagian Tanya dan Saran yang diberikan guru dalam borang penilaian mereka. Walaupun pembaikan yang dilakukan kecil, namun dapat dilihat usaha untuk menambah baik karangan mereka.

Rajah 10: Contoh Maklum Balas Guru (PQP)

P	<p>1) Saya suka jalan cerita kamu kerana kamu telah dapat mengolah cerita dengan menarik. Situasi yang tegang antara ayah dan Maria dapat dirasakan oleh pembaca.</p> <p>2) Penggunaan dialog juga amat baik.</p> <p>3) Banyak kosa kata yang baik dapat kamu berikan.</p>	<p>P = PUJI</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Saya suka bahagian... ✓ Saya suka cara kamu menerangkan... ✓ Saya suka susunan jalan cerita kamu kerana... ✓ Saya rasakan perenggan penutup ... ✓ Kamu telah berjaya menggunakan...
T	<p>Apakah akibat perbuatan Maria yang telah merampas wang daripada ayahnya? Selain daripada menangis, mungkin boleh dinyatakan kesan yang lain?</p>	<p>T = TANYA</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Saya keliru dengan... ✓ Saya kurang faham tentang... ✓ Mengapa kamu tidak menyertakan... ✓ Mengapa kamu menyertakan...
S	<p>Saya ingin mencadangkan agar kamu menulis perasaan bersalah Maria kerana telah mementingkan dirinya sendiri tanpa memikirkan tentang ayahnya (perenggan 8).</p>	<p>S = SARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kamu boleh menyertakan... ✓ Adakah perenggan-perenggan kamu telah disusun dengan baik? ✓ Mungkin kamu boleh menambah bahagian... ✓ Pernahkah kamu cuba...

Rajah 11: Contoh Penambahan Yang Dilakukan Oleh Murid

Maria bergegas mengejutkan ayahnya itu. Dia pun meminta maaf kepada ayahnya kerana keras kepala dan telah membuat beliau kecil hati. Maria memberitahu bahawa dia terbaca surat yang dipegang oleh ayahnya lalu memulangkan duit itu kepada beliau. Ayahnya tersenyum lalu memaafkan Maria. Beliau memberitahu Maria bahawa beliau meninggalkan ibu Maria kerana beliau ternampak isterinya dengan lelaki lain. Maria sedar bahawa dia telah menyakitkan hati ayahnya. Dia tahu yang dia telah mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan perasaan ayahnya.

Rajah 11 menunjukkan bahawa murid hanya diminta menambah maklumat yang diperlukan sahaja. Murid memahami perkara yang harus dilakukan untuk menjadikan karangan mereka lebih baik. Murid tidak perlu menulis keseluruhan karangan memandangkan karangan ini baik.

Rajah 12: Contoh Maklum Balas Guru (PQP)

 <p><u>Bahagiar penutup korangan kamu</u> <u>ayak pendek dan mendadat.</u> <u>Cikgu harap kamu boleh luaskan</u> <u>lagi bahagian penutup. Tuliskan</u> <u>tentang perasaan-perasaan</u> <u>watik serta pelajaran yang mereka</u> <u>dapat dari pada perintah ini.</u></p>	<p>S = SARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kamu boleh menyertakan... ✓ Adakah perenggan-perenggan kamu telah disusun dengan baik? ✓ Mungkin kamu boleh menambah bahagian... ✓ Pernahkah kamu cuba... 
---	---

Rajah 13: Contoh Penambahbaikan Yang Dilakukan Murid

<p>Lelaki itu bantu Enrich Alim mengambil buku matematik.</p> <p>1. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim?</p> <p>2. Selesaikan mengikut kira langkah berikut.</p> <p>3. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p> <p>4. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p>		<p>Lelaki itu bantu Enrich Alim mengambil buku matematik yang lengkap. Ia yang berfungsi membantu.</p> <p>1. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p> <p>2. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p> <p>3. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p> <p>4. Apakah yang tidak berkaitan dengan Enrich Alim mengikut kira langkah berikut?</p>
---	---	--

Rajah 12 menunjukkan maklum balas yang diberikan guru bagi karangan murid di bahagian Saran. Guru merasakan bahawa pengembangan isi agak mendadak dalam perenggan akhir. Rajah 13 pula menunjukkan bahawa murid telah dapat mengubah perenggan akhir berdasarkan saranan guru.

Lebih menarik lagi ialah murid berkebolehan rendah dapat memahami perkara yang harus dilakukan dalam draf kedua. Lihat Rajah 14 bagi maklum balas guru dan Rajah 15 bagi pembaikan yang dilakukan oleh murid.

Rajah 14: Contoh Maklum Balas Guru (PQP)

T <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>	<p><u>Di manakah mereka akan membeli alat rum? Siapakah Puan Larla?</u></p>
	<p>T = TANYA</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Saya keliru dengan... ✓ Saya kurang faham tentang... ✓ Mengapa kamu tidak menyertakan... ✓ Mengapa kamu menyertakan... 

Rajah 15: Contoh Penambahbaikan Yang Dilakukan Oleh Murid

→ **Mujur, dia terkejut**
Bukti dan **Ara** ada Puan Laila. Puan Laila berlatar ke Budi bila dia lihat apa yang terjadi. Sebelum itu Puan Laila hendak pergi bersenam. Untuk lepasnya jariinya "Mari angkat jerji besi itu!" Puan Laila

Melalui maklum balas yang diberikan oleh guru di bahagian Tanya berkenaan dengan seseorang watak, murid telah dapat memasukkan maklumat yang diperlukan itu dalam draf kedua seperti yang dilihat dalam Rajah 15.

Rajah 16: Contoh Maklum Balas Guru (PQP)

Kamu boleh menyertakan pengajaran yang didapat dari pada peristiwa ini.

Rajah 17: Contoh Penambahbaikan Yang Dilakukan Oleh Murid

	Ibu berlari ke arah kita. ^{mb} ^{Pb} dia terperanjat. Dia ^{E terperanjat} berdiri belakang kami. ^(A) dia dan aku melihat belakangnya ^(A dik) menoleh ke ^{membelakangi} ^{menoleh}
NIE NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATION SINGAPORE	 (menjerit) kita ^{imb} aku ^{jerit} . Ibu sangat marah. Dia meminta maaf kepada ^{memulus} ^{tertinggi} telinga ^{membelanjanya} ^{imb} mak ^(A) itu dan ibu memiciti ^{tertinggi} kami. Dia mahu berbelanj ^(beranjah) makuk. ^(makuk) mak masih marah tetapi dia memerlukan kita barang-barang mak ^(A) Sudah dibanggarnya lagi. ["]

Bagi Rajah 16 dan Rajah 17 pula, maklum balas yang diberikan guru di bahagian Saran meminta murid memberikan pengajaran dalam perenggan akhir. Murid telah berjaya memberikan pengajaran yang mudah dalam pembetulannya.

CADANGAN

Oleh sebab strategi ini baru diperkenalkan, pastilah terdapat perkara-perkara yang perlu diperbaik. Berikut ialah usaha-usaha lanjutan yang boleh dijalankan pada masa hadapan.

1. Maklum balas guru harus disertakan perenggan supaya murid lebih terpandu pada perenggan yang dimaksudkan.
2. Borang ini mungkin boleh dipermudah dengan menyenaraikan perkara-perkara yang menjadi perhatian guru semasa menilai karangan murid.
3. Perkongsian antara guru-guru harus sering dijalankan untuk meneliti dan memperbaik proses memberikan maklum balas.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, maklum balas yang berkesan amatlah kritikal dalam memastikan adanya peningkatan dalam mutu penulisan murid. Guru harus berhati-hati ketika memberikan maklum balas. Guru tidak boleh sentiasa membetulkan kesalahan murid dengan memberikan mereka jawapan yang betul. Langkah ini tidak menggalakkan murid untuk berfikir dan hanya meniru apa yang telah dicatatkan guru. Mereka tidak akan belajar daripada kesalahan dan kelemahan dalam penulisan mereka. Selain itu, guru tidak boleh memberikan terlalu banyak soalan dan saranan ketika memberikan maklum balas. Sekiranya perkara itu berlaku, dikhuatiri akan ada murid yang patah hati dan ini akan menghambat semangat mereka untuk menulis karangan. Lantas, keseimbangan dalam memberikan maklum balas sangat penting.

Daripada analisis kajian ini, jelaslah bahawa Maklum Balas Pembetulan Secara Bertulis (WCF) yang menjurus kepada dua strategi *Indirect and Coded* dan *PQP (Praise-Question-Polish)* amatlah berkesan. Strategi ini sememangnya telah dapat membantu murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka lalu mengambil tindakan sewajarnya semasa membuat pembetulan mereka. Berdasarkan pemerhatian guru juga, mutu penulisan murid telah meningkat.

Guru perlu menjelaskan kepada murid tujuan maklum balas itu diberikan agar murid faham objektif penggunaannya. Maklum balas yang diberikan harus sesuai dengan objektif pembelajaran agar guru dapat menilai pemahaman murid. Strategi ini harus diguna pakai oleh guru ketika memeriksa setiap penulisan karangan. Penggunaannya harus menjadi satu rutin agar murid terbiasa dengan cara guru memberikan maklum balas dan akhirnya dapat menggunakan bagi penilaian rakan.

Sebagai penutup, pengkaji akur bahawa keberhasilan proses memberikan maklum balas mengambil masa. Namun, sekiranya dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan konsisten, sudah pasti murid akan meraih manfaatnya.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Cikgu Norhafiza Mohd Zaini
2. Cikgu Mastura Mohamed Yusoff
3. Cikgu Haslinda Othman
4. Cikgu Siti Nur Asyiqin Termizi

RUJUKAN

- Brookhart, S. M. (2008). *How to Give Effective Feedback To Your Students.* USA:ASCD.
- Cheng, X. L. & Zhang, L.J. (2021). Sustaining University English as a Foreign Language Learners' Writing Performance through Provision of Comprehensive Written Corrective Feedback. *Sustainability.* MDPI. <https://www.mdpi.com/2071-1050/13/15/8192>
- Frey, N. & Fisher, D. (2011). *The Formative Assessment Action Plan Practical Steps to More Successful Teaching and Learning.* USA:ASCD.
- Latif, H. (2014). Improving the Students' Writing Ability in Narrative Text Through Praise-Question-Polish (PQP) Technique. *Exposure Journal Vol 3 No. 2. CORE.* <https://core.ac.uk/download/pdf/233602746.pdf>
- Lestari, H. (2012). Using PQP (Praise-Question-Polish) Technique to Improve the SMA Santa Maria Pekanbaru Second Year Students' Ability in Writing Hortatory Exposition Text. *Repository Universitas Riau.* <https://repository.unri.ac.id/xmlui/handle/123456789/878>
- Lee, I. (2021). The Chinese University of Hong Kong. Nota Kursus.
- Loh, K. L. (2017). Feedback Strategy - Praise-Question-Polish (PQP). <http://lohky.blogspot.com/2017/05/feedback-strategy-praise-question.html>
- Stenger, M. ((2014). 5 Research-Based Tips for Providing Students with Meaningful Feedback. *Edutopia.* <https://www.edutopia.org/blog/tips-providing-students-meaningful-feedback-marianne-stenger>
- Umara, U. & Pratiwi, Viki. (2019). The Effect of Praise-Question-Polish (PQP) Strategy on Students' WRiting Descriptive Text of the Tenth Grade Students of SMA Swasta YPIS Mju Binjai. *Jurnal Serunai Bahasa Inggris Vol 11 No. 2. Binaji Utara:STKIP Budidaya Binjai.* <https://ejournal.stkipbudidaya.ac.id/index.php/jd/article/view/176>